

**SISTEM PENGKODAN DAN TANDA MENERUSI *MISE-EN-SCENE*
DALAM TRILOGI YASMIN AHMAD**

MARZIAH BINTI MOHAMED MUKHTAR

**SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN
(KEPUJIAN) PENULISAN SENI LAYAR (PA225)
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN ARTISTIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

2006

PENGAKUAN

Dengan ini, saya selaku pelajar tahun akhir **Sarjana Muda Seni Persembahan (Kepujian) Penulisan Seni Layar (PA225)**, mengakui bahawa projek ilmiah (tesis) ini adalah hasil usaha saya sendiri untuk memperolehi **Sarjana Muda Seni Persembahan (Kepujian) Penulisan Seni Layar (PA225)**, kecuali petikan-petikan serta ringkasan yang digunakan sebagai sokongan tesis ini yang telah dinyatakan sumber asalnya.

09 NOVEMBER 2006
2004208121

MARZIAH BINTI MOHAMED MUKHTAR


TANDA TANGAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, pengkaji memanjang syukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, pengkaji dengan jayanya dapat menyiapkan projek ilmiah (tesis) ini serta menamatkan pengajian pengkaji di peringkat Sarjana Muda (Kepujian) di Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik dalam jurusan Penulisan Seni Layar dengan sempurnanya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis pengkaji iaitu Encik Ezwan Mokhtar di atas segala kerjasama, bimbingan, bantuan serta sokongan beliau dalam memastikan pengkaji menyiapkan tesis pengkaji ini dengan jayanya.

Pengkaji juga amat berterima kasih di atas tunjuk ajar sampingan daripada pensyarah lain Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik iaitu Encik Norman Yusoff dan Cik Mastura Muhammad dalam membantu pengkaji mencapai tahap tesis yang ditetapkan oleh pihak fakulti sendiri.

Dalam pada itu, jutaan penghargaan turut ingin pengkaji berikan terhadap Encik Hassan Abdul Muthalib yang sedia bekerjasama untuk ditemubual oleh pengkaji dalam membantu pengkaji mendapatkan maklumat lebih jelas terhadap kajian pengkaji.

Terima kasih yang tidak terhingga juga terhadap ibu bapa serta kaum keluarga pengkaji yang banyak memberikan sokongan moral serta sumbangan tenaga dan wang ringgit serta irungan doa bagi pengkaji menyiapkan projek ilmiah ini.

Seterusnya, rasa penghargaan ini mahu pengkaji kalungkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi pahit manis, jerih perih sehingga terhasilnya tesis pengkaji ini.

Akhir sekali, pengkaji mengucapkan bebanyak terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan tesis ini.

Sekian, terima kasih.

**MARZIAH BINTI MOHAMED MUKHTAR,
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN ARTISTIK,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM),
SHAH ALAM, SELANGOR.**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mentafsir visual denotatif dan konotatif hingga ke tahap *myth* dengan berpandukan kepada sistem pengkodan; kod berasal daripada budaya menerusi *mise-en-scene* dalam trilogi Yasmin Ahmad, *Rabun* (2003), *Sepet* (2005) dan *Gubra* (2006). Dalam pada itu, kajian ini turut dijalankan bagi mengupas *signified* melalui *signifiernya* serta melihat kepentingannya dalam menyampaikan ideologi pengarah kepada penonton. Seterusnya, tujuan kajian ini dibuat juga adalah bagi mengenalpasti sama ada terdapatnya pengulangan tanda-tanda dan tujuan pengulangannya dalam trilogi terbabit. Selain itu, kajian ini melibatkan pengaplikasian teori semiotik yang hanya membabitkan konsep sistem pengkodan Christian Metz dan konsep tanda Roland Barthes. Justeru, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menjurus kepada kaedah analisa kandungan trilogi tersebut bagi membuat penilaian dan klasifikasi terhadap adegan-adegan utama yang boleh digunakan dalam kajian pengkaji. Berdasarkan kajian yang dijalankan pengkaji dengan berpandukan konsep Metz dan Barthes, pengkaji mendapatkan penggunaan *signifier* tertentu melalui visual denotatif Yasmin Ahmad dalam triloginya, mempunyai *signified* tertentu setelah dikembangkan kepada visual konotatif. Di samping itu, sekiranya dilihat pada tahap *myth* pula, sememangnya terdapat ideologi yang cuba disampaikan oleh Yasmin kepada penontonnya. Hasil kajian pengkaji juga memperlihatkan adanya pengulangan *signifier* yang sama dalam trilogi filem terbabit bagi memberi penekanan terhadap ideologi yang cuba dikomunikasikan atau disalurkan Yasmin kepada penonton.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the visual denotative and connotative till myth level – base upon codes; culturally derives codes through mise-en-scene in Yasmin Ahmad's trilogy, *Rabun* (2003), *Sepet* (2005) and *Gubra* (2006). This research is also to analyse the signification through its signifier and identify its importance in the deliverance of director's ideology to audience. In addition, this research is to identify the possibility of signs and reasons for its repetition in the trilogy. Besides, this research involves the application of semiotic theory of Christian Metz codes concept and Roland Barthes signs concept. Hence, the researcher uses the qualitative method – which focuses the analysis method of the trilogy content – to make judgement and classification of main scenes that can be used in the research. Base upon the research through Metz and Barthes concepts, researcher discovers the usage of particular signifier through Yasmin Ahmad's visual denotative in her trilogy, with particular signification after it has been elaborated in visual connotative. Through the perspective of myth, there would be an ideology that Yasmin Ahmad tries to deliver to her audience. The researcher also finds the existence of the same signifier repetition in the film trilogy – in emphasising the ideology which is communicated by Yasmin Ahmad to audience.